

Persepsi terhadap China perlu diubah

7 MAY 2002

CHINA bukanlah sebuah 'lubang gelap' yang akan menarik semua Pelaburan Langsung Asing (FDI) di rantau ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, tanggapan sedemikian terhadap China perlu diubah kerana kemakmuran negara itu akan turut memberi manfaat kepada dunia.

"China bukan 'lubang gelap' yang perlu dibimbangkan. Tanggapan bahawa semua FDI akan disedut dan tersimpan di sana hingga tidak memanfaatkan negara serantau, tidak tepat.

"Kemakmuran China menyaksikan mereka melabur ke luar negara termasuk dalam industri berteknologi tinggi.

"Kemakmuran yang mereka peroleh menyebabkan mereka berkehendakkan barangan dari luar dan di sinilah kita boleh mengambil peluang mengeksport ke China.

"Kemasukan lebih 400,000 pelancong China ke Malaysia tahun lalu membuktikan kemakmuran mereka turut dinikmati negara luar walaupun pelancong bukanlah sesuatu yang berteknologi tinggi," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sesi dialog dengan peserta Mesyuarat Agung Antarabangsa Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di Kuala Lumpur, semalam.

Kemasukan besar-besaran FDI ke China sejak ia menyertai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), membimbangkan negara serantau bahawa mereka akan kehilangan daya saing.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata, negara serantau perlu mencari jalan bagai-

mana mereka boleh mendapat manfaat daripada kemakmuran yang diperolehi China.

"Ini kerana China yang mempunyai lebih 1.3 bilion penduduk tidak mampu menyediakan segala-galanya dan sudah tentu ia perlu mengimport barangan luar," katanya.

Memberi contoh, Dr Mahathir berkata, Malaysia berpeluang mengeksport lebih banyak minyak sawit ke China kerana ia tidak boleh menanam pokok kelapa sawit.

"Meskipun Malaysia mengakui kehilangan banyak FDI kerana pelabur merebut peluang kos buruh dan potensi pasaran besar malah ada yang menutup operasi dan berpindah ke China, Malaysia yakin akan mendapat manfaat dari China dalam pelbagai cara," katanya.

Mengenai Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta), Dr Mahathir berkata, Malaysia akan memenuhi komitmennya kepada regim pembukaan pasaran itu.

Malaysia tidak akan mengenakan halangan bukan tarif bagi melindungi sektor automotif pada 2005, apabila lanjutan dua tahun yang diberikan untuk sektor itu kepada Malaysia tamat.

Program Afta sempurna dilaksanakan untuk semua sektor yang terbabit mulai 1 Januari 2003 kecuali sektor automotif yang ditangguhkan selama dua tahun lagi.

Mengikut Afta, semua produk yang termasuk dalam senarai kemasukan akan dikenakan tarif import antara difat dan lima peratus.

Perdana Menteri berkata, di bawah Afta, kereta nasional Malaysia mungkin kurang berdaya saing kerana kandungan tempatan-nya adalah 90 peratus berbanding dasar kandungan tempatan 40 peratus Afta.

Bagaimanapun katanya, kerajaan tidak bercadang mengenakan halangan bukan tarif bagi mengatasi masalah kurang daya saing kereta nasional dalam Afta seperti digembar-gemburkan sesetengah pihak.

"Ia hanyalah khabar angin. Khabar angin yang diperkatakan orang," katanya.

Ditanya jika ada Malaysia akan meminta agar dasar kandungan tempatan 40 peratus itu disemak semula, Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus komited kepada yang sudah dipersetujui dalam Afta.